



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-29/1/34 JLD.2 (46)
Tarikh : 18 Ogos 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 14/2021 PEMAKLUMAN ARAHAN PEMANTAUAN DI RUMAH (*HOME MONITORING*) BAGI KES COVID-19 KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 (RINGAN) OLEH PENGAMAL PERUBATAN SWASTA

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

1. TUJUAN

Memaklumkan pindaan bagi pelaksanaan khidmat pemantauan di rumah bagi kes COVID-19 Kategori 1 dan Kategori 2 (Ringan) oleh Pengamal Perubatan Swasta.

2. LATAR BELAKANG

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan kapasiti sistem kesihatan negara melampaui tahap maksima. Peningkatan kes COVID-19 secara harian menyebabkan hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) tidak dapat menampung keperluan pesakit.

Oleh kerana majoriti pesakit tidak mengalami sebarang gejala atau mengalami gejala ringan sahaja, maka mereka boleh dipantau di rumah. COVID-19 Assessment Centres (CAC) telah dibangunkan bagi membuat penilaian klinikal dan menjalankan pemantauan pesakit COVID-19 di rumah. Pengamal perubatan swasta turut dilibatkan dalam usaha mengurangkan beban terhadap CAC kerajaan.

3. PELAKSANAAN

3.1 Pada 30 Julai 2021, seramai 763 orang pengamal perubatan swasta (PPS) telah menerima Arahan Pelantikan di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit [Akta 342] yang telah ditandatangani oleh YB Menteri Kesihatan berkuatkuasa pada 2 Ogos 2021 sehingga 31 Disember 2021.

Penambahan arahan pelantikan ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut keperluan. Arahan pelantikan ini membolehkan pengamal perubatan swasta:

- 3.1.1 memberikan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian (HSO) Bagi Kes Positif dan Kontak Rapat Kes Positif Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) Di Bawah Subseksyen 11(3) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] (Apendik 1); (jika tiada digital HSO);
- 3.1.2 memakaikan gelang tangan pengawasan (wristband) bagi kes positif dan kontak rapat (jika tiada digital HSO);
- 3.1.3 memberikan surat Pelepasan Dari Menjalani Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian di Tempat Kediaman Di Bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] setelah tamat tempoh HSO bagi kes positif dan kontak rapat (jika tiada digital HSO);
- 3.1.4 menjalankan pemantauan di rumah (*home monitoring*) bagi kes positif selama 10 hari atau mengikut tempoh wajib yang ditetapkan secara arahan pentadbiran oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).

3.2 Selain itu, mana-mana pengamal perubatan swasta yang lain (tanpa ada surat Arahan Pelantikan) turut boleh melaksanakan khidmat pemantauan di rumah bagi kes positif COVID-19 tanpa gejala (Kategori 1) atau dengan gejala ringan (Kategori 2; ringan) iaitu perkara 3.1.4, tetapi tidak dibenarkan melakukan aktiviti seperti di perkara 3.1.1 sehingga 3.1.3. Bagi khidmat pemantauan di rumah, caj boleh dikenakan kepada pesakit mengikut Jadual Ketujuh, Peraturan-Peraturan Kemudahan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006. Adalah diharapkan agar caj yang dikenakan adalah tidak membebankan pesakit, demi kepentingan menangani penularan jangkitan sewaktu pandemik COVID-19 ini.

3.3 Pengamal Perubatan Swasta (General Practitioner atau Medical Officer di hospital swasta) boleh melakukan pemantauan secara maya (*virtual*) bagi kes COVID-19 kategori 1 dan kategori 2 (ringan) walaupun pesakit tersebut bukanlah pesakit berdaftar di bawah pengamal perubatan tersebut, tetapi terhad semasa pandemik COVID-19 oleh kerana perkhidmatan kesihatan adalah terjejas. Pengamal perubatan adalah dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan fizikal secara bersemuka jika pengamal perubatan tersebut tidak dapat mengenalpasti gejala-gejala yang dinyatakan oleh pesakit semasa pemantauan secara maya. Adalah juga dinasihatkan, pengamal perubatan mengambil semua langkah keselamatan dari segi etika perubatan sebelum memberi khidmat nasihat secara maya kepada pesakit yang tidak diperiksa secara fizikal.

3.4 Pengamal perubatan swasta diminta memaklumkan Pejabat Kesihatan Daerah terdekat sebelum memulakan khidmat pemantauan di rumah dengan mengembalikan borang pendaftaran (seperti di lampiran) yang terdapat di garis panduan "Guidelines On Home Monitoring And Clinical Protocol At Primary Care For Category 1 And Category 2 (Mild) Confirmed COVID-19 Cases By Private Medical Practitioners" (Annex 2n) serta mengisi reten dalam bentuk *soft copy* yang diberikan oleh Pejabat Kesihatan Daerah tersebut. Contoh format reten turut tertera dalam garis panduan Annex 2n.

3.5. Khidmat pemantauan di rumah yang dilakukan hendaklah merujuk kepada garis panduan "Guidelines On Home Monitoring And Clinical Protocol At Primary Care For Category 1 And Category 2 (Mild) Confirmed COVID-19 Cases By Private Medical Practitioners" (Annex 2n) yang memperincikan perkhidmatan pemantauan di rumah (home monitoring) oleh pengamal perubatan swasta. Pengamal perubatan swasta diminta membaca dan memahami segala butiran di garis panduan tersebut, memandangkan KKM telah **memansuhkan** keperluan :

- 3.5.1 menandatangani borang Aku Janji.
- 3.5.2 mendapatkan e-sijil Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga berkaitan taklimat pelaksanaan pemantauan di rumah.
- 3.5.3 mendapatkan e-sijil Hospital Sg Buloh bagi kursus 'COVID-19 *online training*'. Walau bagaimanapun, pengamal perubatan swasta adalah amat digalakkan menghadiri kursus 'COVID-19 *online training*' tersebut seperti tertera dalam garis panduan Annex 2n.

3.6 Bagi pengamal perubatan swasta yang tidak menerima Arahan Pelantikan seperti di perenggan (2) tetapi menjalankan khidmat pemantauan di rumah, adalah tidak layak menuntut bayaran bagi pemantauan di rumah yang dilakukan.

3.7 Juga dimaklumkan, mana-mana pengamal perubatan swasta yang hendak menjalankan amalannya di tempat selain daripada alamat yang dinyatakan dalam perakuan amalan tahunannya hendaklah membuat permohonan bagi menambah alamat tempat mengamal kepada Majlis Perubatan Malaysia (MPM) sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah subseksyen 20(6) Akta Perubatan 1971 [Akta 50], dalam tempoh 30 hari selepas pertukaran tersebut.

3.8 Bagi sebarang rujukan yang dilakukan, bolehlah dirujuk kepada surat arahan Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 26 April 2021 dengan rujukan KKM.600-29/1/34 (77) yang memaklumkan pengamal perubatan swasta bertanggungjawab merujuk mana-mana kes yang memerlukan rawatan lanjut kepada hospital atau Pusat Rawatan dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC).

4. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan, sepanjang tempoh pandemik ini atau sehingga mana-mana tarikh yang dimaklumkan kelak.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan boleh ditujukan kepada pegawai bertanggungjawab.

5.1 Pemantauan di rumah:

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Aras 8, Blok E10, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 Putrajaya

No. Telefon : 03-88834011

No. Fax : 03-88886150

(u.p: Dr Rajini Sooryanarayana, Tel 03-88832159 atau emel

drrajini@moh.gov.my/ homemonitoringHSOBPKK@gmail.com)

5.2 Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian (HSO) Bagi Kes Positif dan Kontak Rapat Kes Positif Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) dan Arahan Lantikan:

Pengarah

Bahagian Kawalan Penyakit

Aras 3, Blok E10, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62690 Putrajaya

No. Telefon : 03-88834118/4119

No. Fax : 03-88810400 / 0500

(u.p: Dr Rohani Jahis, Tel 03-88834412 atau emel rohbj@moh.gov.my)

5.3 Pendaftaran di PKD, reten dan bayaran :

Pengarah

Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Aras 8, Blok E10, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62690 Putrajaya

No. Telefon : 03-888341/4022

No. Fax : 03-88810400/0500

(u.p: Dr Azizah Wahab, Tel 03-88834186 atau emel dr.azizah@moh.gov.my)

6. PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Datin/ Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen semua petugas kesihatan dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
(u.p. Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta)

} Mohon dimaklumkan
kepada pegamal
perubatan swasta di
bawah seliaan.

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Ketua Sektor
Sektor Inspektorat dan Perundangan
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

SENARAI EDARAN

A) Jabatan Kesihatan Negeri

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

B) Pihak swasta

Setiausaha Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Association, MMA)

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)

Presiden
Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysian (PERDIM)

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia (FPMPAM)

Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)

**BORANG PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN SWASTA YANG
MEMULAKAN KHIDMAT PEMANTAUAN DI RUMAH BAGI KES COVID-19
KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 (RINGAN)**

Nama dan alamat klinik swasta	
Negeri	

Bahagian A: Maklumat Pengamal Perubatan Swasta

Nama	
No. pendaftaran penuh MPM	
No. APC terkini	
No. Kad Pengenalan	
Nombor telefon	
Alamat e-mel	

Bahagian B: Perakuan Pegawai

Saya dengan ini bersetuju untuk melaksanakan Khidmat Pemantauan Di Rumah Bagi Kes COVID-19 Kategori 1 Dan Kategori 2 (Ringan) mengikut garis panduan dan arahan semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

.....
(Tandatangan Pengamal Perubatan Swasta)

Nama :
Tarikh :
Cop rasmi klinik :

** Borang ini perlu dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran, iaitu berdasarkan lokasi klinik swasta.*